



PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB)

NOTIS PELAWAAN CADANGAN

CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA BAGI BLOK PEMBANGUNAN A15, KAMPUNG PERIOK, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

1. Pelawaan kepada Syarikat diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan Jenis Perniagaan Pemaju Hartanah/*Property Development*.
2. Syarikat dipelawa mengemukakan cadangan pembangunan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - i. Profil Syarikat
 - ii. Cadangan Pembangunan
 - iii. Model Pembangunan/Tawaran Kepada Pemilik Tanah

Sila rujuk senarai semak seperti yang dilampirkan.
3. Syarikat perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - i. Modal Berbayar sekurang-kurangnya **RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Juta Sahaja)**.
 - ii. Berpengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang serupa bernilai sekurang-kurangnya **RM100,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Juta Sahaja)** bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. PKB berhak meminta apa-apa maklumat tambahan sekira dirasakan perlu.
5. PKB adalah agensi Kerajaan yang hanya bertindak sebagai sebagai pemudahcara pembangunan semula Kampong Bharu dan **tidak terikat untuk menawarkan kepada mana-mana syarikat**.
6. Cadangan pembangunan yang lengkap boleh dihantar terus ke Seksyen Ekonomi PKB selewatnya pada **12 Mac 2024**.
7. Maklumat lanjut boleh menghubungi Seksyen Ekonomi dan Seksyen Perancang Bandar, Bahagian Perancangan Pembangunan dan Ekonomi PKB di talian 03–2692 6733.